

4

**NO SOALAN : 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 19.03.2018 (ISNIN)**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah langkah penguatkuasaan seimbang oleh pihak Kementerian dengan kerjasama agensi-agensi bagi mewujudkan ekosistem perdagangan yang adil dan kondusif terutamanya untuk melindungi pengguna daripada tindakan peniaga menaikkan harga sesuka hati khususnya barang harga kawalan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerjasama antara KPDNKK dengan agensi-agensi lain seperti RELA, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) telah dilaksanakan secara berterusan. Penglibatan secara langsung dengan agensi-agensi tersebut adalah secara pemeriksaan bersama, samada pada hari biasa atau pada musim perayaan. Pemeriksaan bersama juga turut diadakan di pasar-pasar dan bazar-bazar ramadhan sempena pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP).

Di samping itu, penurunan kuasa kepada Penghulu dan Penggawa di Semenanjung Malaysia di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011, Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk melaksanakan pemeriksaan bersama KPDNKK dan menjalankan pemantauan secara berhemah di kawasan masing-masing merupakan satu usaha untuk menangani isu kenaikan harga barang.

Pada tahun 2017, sebanyak 80 pemeriksaan bersama RELA dan 7,814 pemeriksaan bersama Penghulu/Penggawa telah dilaksanakan di seluruh negara.

KPDNKK juga sedang melaksanakan Pelan Tindakan Operasi Bagi Rantaian Bekalan, Pengedaran dan Penguatkuasaan Industri Perikanan NBOS KPDNKK bersama MOA. Arahan berhubung pelaksanaan Operasi Jaring telah dikeluarkan kepada KPDNKK Negeri pada **15 Januari 2018** untuk tindakan penguatkuasaan mekanisme pencatutan bagi jenis-jenis sasaran ikan tertentu mengikut fasa yang telah ditetapkan. Objektif

operasi ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti sekiranya wujud aktiviti pencatutan di peringkat peniaga yang terdapat dalam rantaian pengedaran industri perikanan. Sehingga **12 Mac 2018**, sebanyak **182 Notis Seksyen 21 AKHAP 2011** telah dikeluarkan kepada peniaga yang terdiri daripada **80 peruncit di Pasar Basah Awam, 75 pemborong di Pasar Borong yang terpilih, 5 pemborong di jeti pendaratan dan 22 pemborong di dalam Kompleks LKIM.**

Kementerian juga turut menjalankan kerjasama strategik dengan agensi-agensi Penguatkuasa lain seperti Pasukan Polis Marin PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kerjasama ini merangkumi penguatkuasaan di sempadan dan perairan negara serta pos-pos sempadan di darat bagi membendung ketirisan barang-barang kawalan bersubsidi supaya bekalan barang mencukupi dan mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif.